



MAJLIS PERBANDARAN JEMPOL
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa kepada Kontraktor Bumiputera yang mempunyai **Sijil Taraf Bumiputera (STB)** berdaftar dengan Bahagian Pembangunan Kontraktor Dan Usahawan, Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia LPIPM (CIDB) dalam Gred kategori dan Pengkhususan yang berkaitan untuk membuat tawaran bagi kerja berikut:-

No. Sebut Harga	Keterangan	Gred/ Kategori/ Pengkhususan	Tarikh dan Masa Melapor Diri Bagi Lawatan Tapak	Tarikh Dokumen Mula Dijual	Harga Dokumen dan Bayaran Atas nama	Tarikh dan Waktu Tender Di Tutup
MPJL-T/ IF 02/ 2026	KERJA-KERJA MEMBAIKI LONGKANG DI TAMAN INDUSTRI MAHSAN SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DENGANNYA DI DALAM DAERAH JEMPOL	Kategori CE Pembinaan Kejuruteraan Awam Pengkhususan CE21-Kerja-Kerja Am Kejuruteraan CE01-Pembinaan Jalan dan Pavement	Tarikh: 25/05/2026 (Isnin) Masa: 8.00 Pagi sehingga 10.00 Pagi	Tarikh: 26/05/2026 (Selasa) Hingga 02/06/2026 (Selasa)	Yang Dipertua Majlis Perbandaran Jempol RM300.00	Tarikh: 09/06/2026 (Selasa) Masa: 12.00 Tengah Hari

Dokumen tender boleh disemak dan diperolehi di Kaunter Bahagian Kejuruteraan, Bahagian Kejuruteraan Pejabat Majlis Perbandaran Jempol mulai dari **26 Mei 2026 (Selasa)**. Dokumen tender tidak akan dijual sebelum daripada tarikh di atas dan akan dijual sehingga **02 Jun 2026 (Selasa)**.

Dokumen Tender boleh diperolehi di Kaunter Kejuruteraan, Bahagian Kejuruteraan Majlis Perbandaran Jempol pada hari **Isnin-Jumaat** jam **8.00 pagi** hingga **4.30 petang (Hari Bekerja)**. Kontraktor Wajib membawa dokumen-dokumen asal semasa pembelian naskah tender.

Bayaran harga dokumen dalam bentuk wang tunai dan hendaklah dijelaskan di kaunter Majlis Perbandaran Jempol pada waktu pejabat (**8.00 pagi-4.30 petang**). Bayaran dokumen ini tidak akan dikembalikan kecuali dengan sebab-sebab yang munasabah.

Lawatan Tapak akan diadakan pada **25 Mei 2026 (Isnin)** jam **10.00 pagi** dan pemborong perlu hadir sendiri bersama dokumen-dokumen asal. Pemborong yang berminat untuk menyertai tender ini hendaklah berkumpul di perkarangan **Majlis Perbandaran Jempol** sebelum **9.00 pagi** untuk pendaftaran di Kaunter Bahagian Kejuruteraan, Majlis Perbandaran Jempol. Pendaftaran di tapak adalah tidak dibenarkan.

Pemborong yang hadir dalam lawatan tersebut adalah tidak dibenarkan mewakili syarikat lain walaupun mempunyai surat pengesahan wakil lawatan tapak.

Pendaftaran untuk menyertai lawatan tapak selepas jam **10.00 pagi** tidak akan dilayan kecuali dengan sebab-sebab munasabah.

Pemborong adalah daripada kontraktor bumiputera G3 yang berdaftar dengan **Majlis Perbandaran Jempol** pada tahun **2026** dan pendaftaran masih sah atau telah memperbaharui pendaftaran kontraktor di Majlis Perbandaran Jempol pada Januari hingga Mac 2026.

Waktu Dokumen Tender boleh disemak dan diperolehi di Kaunter Bahagian Kejuruteraan, Bahagian Kejuruteraan, Majlis Perbandaran Jempol semasa waktu pejabat seperti berikut:

Isnin hingga Jumaat : 8.30 pagi hingga 4.30 petang

Dokumen Tender akan dikeluarkan kepada Kontraktor atau wakilnya yang sah sahaja. Untuk maksud ini kontraktor hendaklah membawa dokumen asal **Sijil Taraf Bumiputera (STB)** berdaftar dengan Bahagian Pembangunan Kontraktor Dan Usahawan, Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia LPIPM (CIDB).

Borang yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam **PETI SEBUT HARGA** di Pejabat Majlis Perbandaran Jempol sebelum pukul **12.00 t/hari** pada **09 Jun 2026 (Selasa)**. Jika tender / sebut harga dihantar dengan menggunakan perkhidmatan **pos berdaftar / kurier**, Petender hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan **sebelum atau pada Tarikh Tutup tender / sebut harga selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengah hari**. Sebarang kelewatan yang timbul tidak akan dilayan.

Majlis Perbandaran Jempol tidak akan terikat menerima tawaran yang terendah atau sebagainya atau memberikan apa-apa sebab sesuatu sebut harga itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab di atas segala kos perbelanjaan berhubung dengan sebut harga ini.


YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN JEMPOL
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

24/04/2026